SAMPEL PERCUMA

Kertas Percubaan SPM 2025 Pendidikan Islam Johor + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SULIT

LOGO SEKOLAH

SMK
JOHOR BAHRU, JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2025

PENDIDIKAN ISLAM **1223/1**
Kertas 1
2 Jam 30 Minit
OGOS

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas modul ini mengandungi* **lima** *soalan subjektif.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*

4. ***Buku jawapan*** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

SOALAN	MARKAH	
1		**20**
2		**20**
3		**20**
4		**20**
5		**20**
JUMLAH		**100**

Jawab **semua** soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبٗا وَلَهۡوٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ وَذَكِّرۡ بِهِۦٓ أَن تُبۡسَلَ نَفۡسُۢ بِمَا كَسَبَتۡ لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٞ وَلَا شَفِيعٞ وَإِن تَعۡدِلۡ كُلَّ عَدۡلٖ لَّا يُؤۡخَذۡ مِنۡهَآۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبۡسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْۖ لَهُمۡ شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡفُرُونَ ٧٠

(Surah al-An'am: 70)

Ayat di atas menerangkan tentang peringatan azab bagi golongan yang mempersendakan agama Islam.

Berdasarkan ayat,

(i) Nyatakan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kesan perbuatan mempersendakan agama. [4 markah]



Hak kebebasan bersuara bukan tiket persenda agama

(iii) Berdasarkan petikan akhbar di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perkara tersebut tidak dibendung. [4 markah]

2 (a) (i) Al-Muntaqim merupakan salah satu daripada nama Allah SWT yang indah.

Apakah maksud nama Allah SWT al-Muntaqim? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kefahaman mengenai Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

(iii) Bagaimanakah keimanan kepada Allah SWT yang bersifat al-Muntaqim dapat membanteras isu disiplin berat di sekolah? Kemukakan hujah anda. [4 markah]

(b) (i) Khawarij adalah kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.

Nyatakan **dua** prinsip Khawarij. [2 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Khawarij tentang pelaku dosa besar. [2 markah]

(c)



Berdasarkan situasi di atas;

(i) Ramalkan implikasi yang akan berlaku terhadap masyarakat sekiranya perbuatan ini dibiarkan berleluasa. [4 markah]

(ii) Cadangkan langkah untuk menangani perbuatan tersebut. [2 markah]

3 (a) Antara perkara wajib haji adalah menjauhi larangan ihram.

(i) Nyatakan **dua** larangan ihram dari aspek pakaian. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah larangan ihram. [4 markah]

(b) Hukuman jenayah dalam Islam bertujuan untuk menegakkan keadilan.

(i) Nyatakan **dua** contoh hukuman takzir [2 markah]


BH

Peningkatan kes jenayah juvana membimbangkan

Sumber : Berita Harian 1 Mei 2014

(ii) Pada pandangan anda mengapakah berlakunya peningkatan kes tersebut? [4 markah]

(c) Talak merupakan satu perbuatan yang halal tetapi dibenci oleh Allah SWT.

(i) Nyatakan maksud talak. [2 markah]

(ii) Nyatakan hukum talak bagi situasi berikut : [2 markah]

1) Suami menceraikan isterinya kerana pertelingkahan yang tidak dapat didamaikan.

2) Suami menceraikan isterinya tanpa sebab.


Dalam Negeri

Lebih 20% pasangan Islam alami masalah itu dalam tempoh 5 tahun hidup bersama

Trend bercerai selepas kahwin!

(iii) Cadangkan cara anda mengatasi situasi di atas. [4 markah]

4 (a) (i) Nyatakan **dua** sumbangan khalifah Harun al-Rasyid dalam memajukan kerajaan Abbasiyah. [2 markah]

Khalifah Harun al-Rasyid merupakan seorang pemimpin Bani Abbasiyah yang terkenal dengan sifat adil, bijaksana dan cintakan ilmu.

(ii) Sebagai seorang pelajar, bagaimana anda boleh mencontohi kepimpinan khalifah di atas dalam kehidupan seharian. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang penulisan. [2 markah]

(iii) Terangkan iktibar yang boleh dicontohi daripada keunggulan tokoh tersebut. [2 markah]

(c) (i) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah dari aspek politik. [4 markah]

Kerajaan Abbasiyah mencapai zaman kegemilangan dalam pelbagai bidang seperti ilmu pengetahuan, ekonomi dan pentadbiran.

(ii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

5 (a) Pendekatan yang seimbang merupakan salah satu daripada aspek wasatiah yang menjamin kecemerlangan umat.

(i) Nyatakan maksud keseimbangan. [2 markah]

(ii) Jelaskan cara melaksanakan prinsip keseimbangan daripada aspek berikut :

1) Rohani

2) Jasmani [4 markah]

(iii) Bincangkan pandangan anda tentang impak amalan wasatiah dalam masyarakat. [4 markah]

LOGO SEKOLAH

SMK
JOHOR BAHRU, JOHOR

PENDIDIKAN ISLAM **1223/1 (PP)**
KERTAS 1

Peraturan Pemarkahan

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2025

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

1 (b) ii	**Dua** golongan yang mendapat naungan Allah ialah : ▪ Pemimpin yang adil. ▪ Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT. ▪ Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid. ▪ Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT/ bertemu dan berpisah kerana Allah SWT. ▪ Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT. ▪ Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya. ▪ Seseorang yang mengingati Allah sehingga menitiskan air mata.	2 isi x 1m = 2m
1 (b) iii	**Dua** pengajaran daripada hadis ialah : ▪ Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan (1m) kerana sikap tersebut merupakan suruhan Allah SWT.(1m) ▪ Kita hendaklah memanfaatkan usia muda (1m) dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT.(1m) ▪ Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid (1m) agar syiar Islam dapat ditegakkan.(1m) ▪ Kita hendaklah saling mengasihi (1m) supaya masyarakat hidup aman damai.(1m) ▪ Kita hendaklah menjahuhi perbuatan maksiat (1m) agar selamat daripada kemurkaan Allah.(1m) ▪ Kita hendaklah berusaha memperbanyakkan sedekah (1m) kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa.(1m) ▪ Kita hendaklah melazimi amalan zikrullah (1m) agar jiwa kita tenang.(1m)	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m Huraian = 1m
1 (c)	Jenis mad lazim bagi kalimah yang bergaris dalam ayat di atas: (i) أَتُحَٰٓجُّوَآنِّي : Mad Lazim Kalimi Musaqqal (ii) ءَآلْـَٔـٰنَ : Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf	2 isi x 1m = 2m
2 (a) i	Maksud al-Muntaqim ialah Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas / dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.	2 isi x 1m = 2m

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar